

POTENSI BELIA LUAR BANDAR YANG TIDAK MENYAMBUNG PENGGAJIAN UNTUK MENINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN, KEMAHIRAN DAN PRODUKTIVITI

***Alias Masek, Badaruddin Ibrahim, Lai Chee Sern,
Marlina Mohamad, Mimi Mohaffyza Mohamad,
Fazlinda Ab Halim, Normah Zakaria, Rasid Razzaq,
Shafizza Sahdan & Noor Atikah Zainal Abidin***

Bagi mengurangkan kadar pengangguran negara, kerajaan telah menggalakkan golongan belia menceburi bidang kemahiran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) (Mukhtar, Roddin & Sapawi, 2009). Dalam pada itu terdapat lima peranan pendidikan bagi memenuhi Wawasan 2020 yang telah digariskan. Salah satu yang berkaitan dengan PTV adalah membekalkan pelajar dengan kemahiran asas bagi membolehkan mereka mengendalikan kehidupan secara produktif dalam bidang teknologi, perdagangan dan ekonomi yang kompleks dan sentiasa berubah. Bukan sahaja menjadi pengguna kepada kecanggihan teknologi tetapi juga tahu membuat sesuatu inovasi dan kemajuan kepada teknologi. Daripada cabaran tersebut dapat dinyatakan di sini bahawa bidang teknikal adalah amat penting dalam merealisasikan wawasan 2020. Sungguhpun segala usaha ini telah diambil, masih terdapat sebilangan belia yang tidak menyambung pengajian sama ada dalam pendidikan atau kemahiran bagi meningkatkan produktiviti mereka, khususnya di luar bandar.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES, 2013), terdapat 5 jenis bantuan yang paling diharapkan oleh belia untuk mencapai keperluan hidup masa kini. Antaranya bantuan kewangan (24.6%), menambah peluang pekerjaan (23%), menurunkan harga barang dengan lebih berpatutan (16.5%), memberi peluang pendidikan (15.8%) dan memberikan pinjaman perumahan (9%). Di sini kita dapat lihat bahawa belia mengharapkan kerajaan membuka peluang pekerjaan kerana dirasakan peluang yang sedia ada tidak mencukupi. Ini adalah salah satu faktor penyebab belia tidak bekerja. Manakala bagi aspek pendidikan pula, ada kalangan belia yang memerlukan bantuan untuk melanjutkan pengajian mereka. Berdasarkan fakta ini, belia sebenarnya bukan tidak mahu meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran, tetapi halangan sedemikian yang membantutkan hasrat mereka.

Budaya hidup keluarga dan sistem pendidikan awal turut mempengaruhi kelangsungan hidup selepas tamat pengajian pada tahap tertentu. Berdasarkan kajian lepas (Adam, Kassim & Salleh, 2009), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan taraf pendidikan yang rendah bagi belia luar bandar. Faktor yang pertama ialah kemiskinan. Kebanyakan ibu bapa luar bandar lebih memberi tumpuan terhadap pencarian rezeki bagi meneruskan kelangsungan hidup. Hal berkaitan pendidikan anak-anak di sekolah dibiarkan kepada pihak sekolah untuk diuruskan.

Akibat daripada faktor kemiskinan tersebut, terdapat ibu bapa yang kurang memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka. Secara umumnya, kebanyakan kajian menunjukkan pencapaian akademik pelajar banyak bergantung pada status kemiskinan dan saiz sesebuah keluarga tersebut. Saiz sesebuah keluarga yang besar dan tahap kemiskinan yang tinggi memberikan kesan yang negatif kepada pencapaian seseorang pelajar (Luster & Mc Adoo, 1996). Hassan et al., (2005) turut menyatakan bahawa salah satu faktor utama yang dikenal pasti adalah perkaitan antara kemiskinan dengan pendidikan. Ketidakseimbangan sosioekonomi dan wujudnya golongan miskin mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar mengikut kaum dan lokasi. Faktor kemiskinan, keluarga, pelajar, sekolah, dan persekitaran banyak mempengaruhi kelemahan pelajar Bumiputera khususnya pelajar Melayu dalam akademik terutama dalam aspek bahasa, angka, pembelajaran, dan perkembangan minda.

Menurut Hassan et al., (2005) juga, pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin akan mampu membantu mereka untuk memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada buruh upah rendah, meningkatkan daya saing, dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka. Pendidikan ibu bapa atau penjaga juga memberi kesan intergenerational effects khususnya terhadap tahap dan pencapaian pendidikan anak-anak serta keupayaan untuk mengubah mobiliti sosial. Kesemua ini mempunyai implikasi yang besar ke atas pembangunan masyarakat dan sumber tenaga manusia negara.

Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran dan produktiviti belia luar Bandar. Kerajaan juga telah memberikan banyak peluang melalui pengwujudan pusat latihan kemahiran seperti kolej komuniti dan institut latihan kemahiran. Namun sesetengah golongan belia ini tidak menunjukkan minat yang tinggi dan mengambil peluang yang ada untuk memajukan diri dan keluarga. Walhal pengajian mereka terhenti selepas mencapai keputusan kurang memberangsangkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh yang demikian, bab ini adalah berasaskan kajian yang dijalankan bagi melihat potensi belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian bagi meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran dan produktiviti mereka ke arah menyumbang kepada pembangunan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif dan disokong oleh data kualitatif. Kajian yang dilakukan adalah untuk mengetahui sejauh mana potensi peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran bagi komuniti belia di luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Data kuantitatif ini disokong oleh temubual separa berstruktur.

Populasi dan Sampel Kajian

Persampelan bertujuan digunakan bagi memilih resoponden dalam kalangan belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Responden dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan berdasarkan objektif kajian iaitu belia yang tidak menyambung pengajian dan tinggal di luar bandar. Kaedah Snowball juga diaplikasikan dalam kajian ini. Responden mengagihkan borang soal selidik kepada kawan-kawan yang mereka kenali yang mempunyai kriteria yang diperlukan. Populasi dalam kajian ini merupakan komuniti belia yang tinggal di luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2015 dianggarkan seramai 13.89 juta orang belia di seluruh Malaysia. Populasi belia luar bandar yang dikaji ialah seramai 3.5 juta orang.

Bagi responden yang terlibat dalam sesi temubual pula, seramai 10 orang belia luar bandar daripada Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah telah dipilih. Responden tersebut telah dipilih berdasarkan kriteria yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian iaitu belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian dan berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun.

Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen yang digunakan iaitu soal selidik dan temubual. Soal selidik digunakan untuk memungut data kuantitatif melalui tinjauan, manakala temubual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan pandangan peserta temubual bagi mendapatkan dapatan yang lebih mendalam.

Soal Selidik

Set soal selidik dibina dan diadaptasi daripada kajian Hartl (2009). Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian dan menggunakan skala likert 5 mata. Setiap bahagian ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Bahagian A mengandungi maklumat demografi seperti umur, jantina, tahap kelulusan akademik tertinggi, status pekerjaan terdahulu dan latar belakang keluarga. Bahagian B terdiri daripada item yang menguji inisiatif yang telah diikhtharkan serta belia yang tidak menyambung pengajian. Dalam persoalan ini item tersebut bertanyakan tentang langkah-langkah atau inisiatif yang telah diusahakan oleh golongan belia terbabit untuk menyambung pengajian mereka. Item ini merujuk kepada kajian latar belakang. Bahagian C terdiri daripada item yang digunakan untuk mengukur minat dan kecenderungan para belia yang tidak menyambung pengajian. Bahagian ini menanyakan tentang minat sebenar atau kecenderungan yang dimahukan oleh golongan belia yang tidak menyambung pengajian ini. Dengan itu bidang yang diminati oleh belia yang tidak menyambung pengajian dapat dikenalpasti berdasarkan kajian latar belakang.

Bahagian D pula terdiri daripada item yang dibina untuk mengetahui faktor serta halangan yang dihadapi oleh komuniti luar bandar yang tidak menyambung pengajian ini. Bahagian ini akan menentengahkan faktor halangan dominan yang dihadapi oleh belia tersebut dalam meneruskan dan menyambung sesi pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Ini merujuk kepada kajian latar belakang.

Temubual Separu Berstruktur

Jenis temubual yang telah dipilih ialah temubual separa berstruktur. Protokol temubual dibangunkan bagi memastikan perjalanan temubual lancar dan objektif kajian tercapai. Data temubual direkodkan menggunakan pita rakaman dan dibantu oleh catatan lapangan.

DAPATAN

Jumlah keseluruhan responden adalah 1204 orang. Daripada peratusan tersebut, responden lelaki (57.5%) mendominasi hasil dapatan ini. Ini mungkin disebabkan komuniti belia lelaki lebih suka tinggal di kampung berbanding keluar bekerja ataupun menyambung pengajian. Jumlah sebenar pecahan lelaki dan perempuan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Frekuensi Jantina

Jantina	Bil. Responden	Peratus (%)
Lelaki	692	57.5
Perempuan	512	42.5
Jumlah	1204	100

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah komuniti belia yang telah menamatkan pengajian akademik pada tahap tertentu. Majoriti komuniti belia yang tidak menyambung pengajian adalah golongan belia lepasan SPM iaitu 764 orang. Manakala komuniti belia lepasan lain-lain merupakan golongan belia yang paling sedikit iaitu 33 orang yang tidak menyambung pengajian. Ini berkemungkinan

belia tersebut telah bekerja di luar kampung ataupun menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Peratus kelulusan akademik tertinggi responden yang diperolehi berdasarkan kajian dinyatakan seperti Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Responden mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi

Kelulusan Akademik	Bil. Responden Perempuan	Peratus (%)
PMR	92	7.6
Sijil	89	7.4
SPM	764	63.5
Diploma	178	14.8
Ijazah Sarjana Muda	48	4.0
Lain-lain	33	2.7
Jumlah	1204	100

Inisiatif Belia untuk Menyambung Pengajian

Nilai min keseluruhan bagi bahagian inisiatif belia untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik ataupun latihan kemahiran mencatatkan nilai 3.78 (.64000) iaitu pada tahap tinggi. Item B17 menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 3.9610 (.92673). Ini menunjukkan ramai yang menunjukkan maklum balas yang positif iaitu bersetuju dengan item yang telah dinyatakan. Jadual analisis bagi item soalan yang tertinggi dan terendah adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Analisis bagi Inisiatif Belia untuk Menyambung Pengajian

Item	Skor Min	Tahap
Selalu menghadiri karnival pendidikan yang dianjurkan oleh pihak kementerian. (B2)	3.4460 (.96811)	Tinggi
Menghantar permohonan secara sendiri ke institusi pengajian/kemahiran tertentu.(B9)	3.5266 (.97353)	Tinggi
Sudah menggunakan pelbagai cara untuk melanjutkan pelajaran.(B10)	3.7625 (.93605)	Tinggi
Sering bertanyakan pendapat tentang sambung belajar kepada orang terpelajar. (B17)	3.9610 (.92673)	Tinggi
Telah lakukan banyak ikhtiar untuk menyambung pengajian. (B18)	3.6985 (.95168)	Tinggi
Keseluruhan	3.7800 (.64000)	Tinggi

Hasil daripada analisis data menunjukkan golongan belia luar bandar telah memberikan respon yang positif dengan menunjukkan bahawa mereka telah melakukan pelbagai inisiatif untuk membolehkan diri mereka menyambung pengajian sama ada dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran. Dapatan kajian mendapati belia luar bandar selalu mencari peluang untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik seperti menghadiri karnival pendidikan, memohon dan selalu bertanya peluang menyambung pengajian kepada keluarga. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh laporan IYRES (2013) yang menyatakan bahawa majoriti daripada belia mencari maklumat pekerjaan melalui khidmat agensi, akhbar dan internet. Inisiatif ini adalah antara yang menjadi pilihan antara belia luar bandar. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa belia luar bandar lebih berminat untuk mencari peluang dalam bidang kemahiran. Terdapat kajian daripada Tajudin (2005) yang menyatakan bahawa kemahiran teknikal dan nilai adalah berkaitan antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa bidang kemahiran adalah penting dan menjadi pilihan dalam golongan belia

Hasil temu bual, 5 daripada 10 orang partisipan menunjukkan bahawa belia luar bandar mempunyai inisiatif untuk menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran. Terdapat 3 tema utama telah ditemukan iaitu permohonan ditolak, tiada panduan, dan mencari pengalaman kerja.

(i) Permohonan ditolak

Temubual mendapati bahawa belia ini telah mengambil inisiatif untuk menyambung pengajian dengan mengemukakan permohonan. Namun, permohonan mereka telah ditolak atas beberapa sebab. Iaitu keputusan tidak mencapai jumlah kredit dalam SPM. Partisipan E menyatakan bahawa permohonan beliau telah ditolak.

“sebelum ni pernah juga apply di ADTAC tapi tak da respon, terbengkalai jelah gitu..”

(ii) Tiada panduan

Partisipan juga mengatakan bahawa mereka tidak tahu ingin memohon bidang yang bersesuaian dengan minat dan keputusan SPM mereka. Manakala 3 orang responden tidak pernah memohon pengajian. Responden B menyatakan bahawa:

“tak dok lagi, tak tahu minat mana, bidang apo nok ambik..”

Berdasarkan jawapan partisipan B, didapati belia ingin memohon menyambung pengajian tetapi kurang pendedahan mengenai kerjaya dalam setiap bidang.

(iii) Mencari pengalaman kerja

Terdapat juga partisipan yang sememangnya tiada inisiatif untuk menyambung pengajian sejurus selepas tamat persekolahan kerana ingin mencari pengalaman bekerja. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor iaitu ingin membantu keluarga dari aspek ekonomi ataupun ingin mencapai matlamat jangka pendek. Partisipan F menyatakan bahawa:

“tiadalah sebab saya kurang minat dengan belajar ni. Belum terbuka lagi pintu hati ni sebab saya ni pikir dulu pengalaman tu yang lebih bagus daripada ilmu”

Hal ini, mendapati belia beranggapan bahawa pengalaman itu lebih baik dari mereka menyambung pengajian.

Kecenderungan Bidang Pengajian Belia

Berdasarkan item soalan terbuka 25 didapati terdapat 6 bidang yang dikategorikan iaitu, kejuruteraan mekanikal, Petanian, Kulineri, Media Kreatif, Kejuruteraan awam, dan kejuruteraan elektrik. Skor min bagi bidang pertanian mencatatkan nilai tertinggi iaitu 3.4693 (1.02777). Kemudian diikuti oleh bidang media kreatif dan kulineri. Skor min yang paling rendah ialah bidang kejuruteraan awam iaitu 3.0053(1.17534). Jadual bagi keseluruhan analisis responden mengikut bidang yang diminati ialah dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis bagi Minat Belia

Minat Belia	Skor Min	Tahap
Kejuruteraan Mekanikal - C1,C2,C3,C7	3.1547 (1.19085)	Tinggi
Pertanian – C9, C10, C11, C12	3.4693 (1.02777)	Tinggi
Kulinari – C13, C14, C15	3.2888 (1.13002)	Tinggi
Media Kreatif – C16, C17, C18	3.3095 (1.05933)	Tinggi
Kejuruteraan Awam – C19, C20, C21	3.0053 (1.17534)	Tinggi
Kejuruteraan Elektrik – C22, C23, C24	3.1285 (1.17040)	Tinggi

Ini jelas menunjukkan kecenderungan dalam sesuatu bidang membuatkan seseorang individu itu dapat menyelesaikan kerjanya dengan lebih memuaskan berbanding tanpa kecenderungan dan atas desakan orang lain. Walau bagaimanapun, pendidikan teknik dan vokasional tidak semestinya diminati oleh semua (Jandhyala, 2002). Ramai pelajar masih mengharapkan pendidikan formal dan tidak memandang serius akan pendidikan vokasional. Masih terdapat ramai pelajar yang tidak sedar akan kewujudan pendidikan vokasional dan kelebihanannya. Christine dan Tom (2000), dalam kajian mereka menunjukkan sebab utama pelajar ingin menceburi pendidikan vokasional adalah kerana tidak menunjukkan keputusan baik dalam tugas akademik, lebih suka tugas praktikal dan ingin mengambil latihan daripada memilih pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi.

Seterusnya, hasil temubual mendapati 5 orang partisipan meminati bidang teknik dan vokasional dan 5 orang lagi tidak meminati bidang kemahiran lebih cenderung kepada bidang lain-lain. Hasil mendapati 8 tema utama bagi minat belia di luar bandar iaitu:

(i) Bidang Menjahit/Fabrik

Partisipan J menyatakan beliau menyukai bidang jahitan. Manakala partisipan C turut menyatakan minat yang sama iaitu:

“menjahit minat, tolong kak jahit baju sikit-sikit.”

(ii) Kulinari

Menurut partisipan J, beliau juga meminati bidang memasak selain daripada bidang menjahit.

“minat... minat memasak.. menjahit dulu kat sekolah ada juga masak...”

(iii) Kejuruteraan Awam

Selain itu, partisipan C menyatakan bahawa beliau meminati kejuruteraan awam kerana beliau dari aliran sekolah teknik dan vokasional. Hal ini, menyebabkan beliau meminati bidang kemahiran ini.

“minat sebab sekolah menengah teknik bahagian kejuruteraan awam”

(iv) Kejuruteraan Mekanikal

Terdapat dua partisipan meminati bidang kejuruteraan mekanikal iaitu partisipan I dan E. Welding adalah satu bidang kemahiran di bawah kejuruteraan mekanikal menjadi pilihan partisipan I. Beliau menyatakan bahawa:

“owwhhh ... boleh,.. memang minat welding.”

Selain itu, oil and gas juga merupakan bidang kemahiran dibawah kejuruteraan mekanikal. Oleh yang demikian, partisipan E menyatakan beliau meminati bidang oil and gas iaitu:

“nak... oil and gas..”

(v) Pertubuhan Badan Kerajaan

Ada dalam kalangan partisipan meminati pertubuhan badan kerajaan seperti tentera, polis dan lain-lain. Partisipan A menyatakan beliau meminati askar:

“dok saja-saja jeloh. Memang tak wat gapo lah. Dok tunggu askar..”

(vi) Aliran Sains

Selain itu, partisipan B, dan H meminati bidang sains. Partisipan H menyatakan bahawa:

“minat kot sains-sains.. try ambik asasi sains, tu tak leh terus.”

(vii) Aliran Agama

Manakala responden G meminati syariah :

“ermmm... syariah”

(viii) Bidang Perniagaan

Partisipan F menyatakan bahawa :

“ermm, business lah..”

Faktor Halangan Belia untuk Menyambung Pengajian dalam Bidang Akademik ataupun Latihan Kemahiran

Skor min tertinggi ialah 3.33362 (.70365) iaitu faktor halangan diri belia itu sendiri. Hal ini, menunjukkan bahawa belia luar bandar tidak suka berjauhan dengan keluarga untuk menyambung pengajian/kemahiran.

Jadual 5: Analisis bagi Faktor Halangan Belia untuk Menyambung Pengajian

Faktor Halangan	Skor Min	Tahap
Diri (Belia Sendiri)- D1, D8, D10, D11, D12, D17	3.3362 (.70365)	Tinggi
Rakan-rakan – D2	3.8754 (.88269)	Tinggi
Keluarga – D3, D4, D7	3.7602 64491)	Tinggi
Kewangan – D5, D6, D9, D15	3.3742 (.66590)	Tinggi
Tanggungjawab – D13, D14, D16, D18, D19	3.3638 (.82465)	Tinggi

Faktor halangan boleh juga dikatakan sebagai cabaran dan dugaan dalam meneruskan apa yang dikehendaki. Terdapat beberapa faktor utama yang dikenalpasti daripada kajian lepas yang menjadi halangan kepada belia luar bandar untuk menyambung pengajian. Antara faktor yang disenaraikan dan dijadikan item untuk responden termasuk:

- i) Ibu bapa tidak membenarkan pergi berjauhan daripada keluarga atas faktor keselamatan
- ii) Tidak suka berjauhan dengan keluarga untuk menyambung pengajian/kemahiran
- iii) Ibu bapa tidak mampu menanggung perbelanjaan jika menyambung pengajian

Dapatan dari hasil temubual juga mendapati hasil yang sama iaitu faktor masalah kewangan dan lebih cenderung untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Faktor perkahwinan dan keputusan akademik yang tidak memuaskan juga merupakan beberapa faktor yang menyebabkan belia tidak menyambung pengajian.

Hasil daripada analisis data, penyelidik mendapati faktor keluarga menjadi halangan yang paling dominan. Sebagai contoh, belia tidak ingin menyambung pengajian disebabkan belia bimbang untuk meninggalkan keluarga di rumah dan masalah kewangan. Hasil kajian ini disokong oleh kajian UNFPA/SCFA (2008) iaitu majoriti daripada belia memilih untuk tidak menyambung pengajian kerana menyara keluarga yang hidup susah dan halangan daripada keluarga untuk menyambung pengajian.

Ibu bapa merupakan komponen penting untuk menimbulkan minat dan seterusnya mengekalkan minat anak-anak untuk mempelajari sesuatu bidang ilmu. Pengaruh ibu bapa terhadap pembelajaran boleh memberikan dorongan kepada pelajar supaya lebih berminat walaupun minat kerja yang ada pada seseorang itu pada mulanya tidak mencerminkan keinginan mereka (Crow & Crown, 1980). Menurut Irwan (2010), sikap ibu bapa yang positif terhadap pendidikan serta galakan yang diberikan terhadap pembelajaran anak-anak mereka akan meningkatkan minat serta pencapaian mereka dalam bidang pelajaran.

Hasil kajian, mendapati belia mempunyai minat untuk menyambung pelajaran. Namun terdapat beberapa faktor halangan mereka meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Terdapat 5 tema utama yang menjadi faktor halangan belia tidak menyambung pengajian akademik atau kemahiran iaitu:

- (i) Masalah Ekonomi Keluarga

Didapati partisipan A mempunyai masalah kewangan dan beliau lebih cenderung untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Belia menyatakan bahawa:

“pendapatan keluarga sebulan hanya dalam RM600.. tak menentu.. ayah nelayan jo pom.. tanggungan pulak 4.. mak dop kijo.. sayo pom dop minat kemahiran nok belajo deh...”

Partisipan J turut menyatakan ekonomi keluarga menjadi faktor belia tidak menyambung pengajian akademik atau kemahiran.

(ii) Perkahwinan/Tanggungjawab

Selain itu faktor perkahwinan juga menjadi kekangan kepada belia menyambung pelajaran kerana tanggungjawab sebagai suami atau isteri. Partisipan I menyatakan bahawa:

“dah kahwin dah. Anak dok dalam perut lagi...”

Responden J juga menyatakan faktor yang sama iaitu:

“tak da duit sebab mak sorang keja,.... dah ada anak.. tak rasa nak sambung..”

(iii) Keputusan Tidak Memuaskan

Majoriti partisipan menyatakan bahawa faktor halangan mereka untuk menyambung pengajian akademik mahupun kemahiran adalah keputusan akademik yang tidak memuaskan. Partisipan F menyatakan bahawa:

“owhh... ada jugak tapi rasa diri ni lembab... ya.. sebab ramai kwan-kawan kan yang masuk U, tiba-tiba berhenti, jadi saya pun belum terbuka lagi pintu hati...”

Beliau bimbang sekiranya beliau menyambung pengajian tersebut, pengajian beliau akan terhenti separuh jalan. Hal ini, disebabkan hasil pemerhatian atas latar belakang rakan-rakan beliau.

(iv) Panduan Memohon

Terdapat dua orang partisipan mempunyai masalah dalam membuat permohonan menyambung pelajaran. Partisipan B dan C menyatakan mereka tidak tahu bagaimana ingin memohon pengajian. Partisipan C menyatakan bahawa:

“nak.. nak gi menjahit tapi tak tahu masuk geno.”

(v) Pengalaman

Akhirnya, pengalaman kerja menjadi faktor halangan bagi belia luar bandar tidak menyambung pengajian akademik mahupun kemahiran. Partisipan E menyatakan bahawa:

“sebab sudah lama dalam bidang kitchen, kalau oil and gas dalam 2006, dah lama.. tapi sekarang dah tukar kulinari. So nak cari kerja, pengalaman dulu, experience gitu.”

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan bahawa belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian sama ada dalam bidang akademik ataupun kemahiran mempunyai inisiatif untuk meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran dan produktiviti mereka. Namun demikian, kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor penghalang kepada hasrat mereka termasuk komitmen diri dan halangan keluarga. Terdapat bidang yang tertentu sememangnya bersesuaian dengan lokasi luar bandar untuk mereka ceburi, namun peluang dan kesedaran didapati perlu ditingkatkan melalui perolehan maklumat yang tepat. Hal ini jika ditambahbaik akan dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap peningkatan tahap pendidikan golongan belia luar bandar yang terlibat dalam skop kajian ini.

CADANGAN

Kementerian Belia dan Sukan disarankan untuk memperkasakan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional melalui Institu Latihan Kemahiran Belia Negara (IKBN) memandangkan kajian ini menunjukkan ramai belia luar bandar mempunyai minat dalam bidang tertentu berkaitan kemahiran dan vokasional. Pengiktirafan kepada golongan belia luar bandar perlu diberikan melalui pengalaman terdahulu (PPT) atau APEL bagi mendapatkan sijil kemahiran berkaitan yang membolehkan mereka mendapat kerja atau menjadi usahawan kecil bidang berkaitan, contohnya pertanian, mekanikal (bengkel motosikal) mahupun perusahaan makanan. Penyemakan semula juga perlu dilakukan terhadap bidang yang ditawarkan di IKBN sedia ada bagi meningkatkan lagi kemasukan pelajar serta memperkukuhkan hubungan dua hala IKBN dan Malaysia Teknikal Universiti (MTU), bagi memudahkan dan membuka peluang kepada pelajar mencapai tahap latihan akademik dan kemahiran ke peringkat tertinggi.

RUJUKAN

- Adam, Z., Kassim, F. & Salleh, M.J. 2009. Memperkasakan pendidikan luar bandar. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009 Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Cristine, Y.N. & Tom, F. 2000. Vocational psychology the study of vocational behavior and development. London: Mc Craw Hill Book Company.
- Crow & Crown. 1980. Psikologi pendidikan untuk perguruan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Putaka.
- Hartl, M. 2009. Technical and Vocational Education and Training (TVET) and skills development for poverty reduction: Do rural women benefit. Italy: International Fund for Agricultural Development.
- Hassan, F.A., Ishak, N., Yusof, H., & Rahim, H.A. 2005. Kemiskinan dan pendidikan: Perubahan minda orang Melayu ke arah kecemerlangan pendidikan akademik. Jurnal Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 25-56.
- IYRES. 2013. Retrieved October 25, 2013, from <http://www.ippbm.gov.my/>
- Irwan, R. 2010. Tranformasi PTV ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. Edupress 2010.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2015. Statistik Belia Malaysia: Data Semasa 2014 Volume 3. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Jandhyala, B.G.T. 2002. Vocational education and training in Asia. The handbook on educational research in the Asia Pacific region. New Delhi: Kluwer Academic Publishers.
- Luster, T., & McAdoo, H.P. 1996. Family and child influences on educational attainment: A secondary analysis of the High/Scope Perry Preschool data. *Developmental Psychology*, 32, 26–39.
- Mukhtar, M.I., Roddin, R. & Sapawi, A.A. 2009. Pendidikan teknik dan vokasional dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Tajudin, O. 2005. Perspektif sumber manusia ke arah pencapaian Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- UNFPA/SCFA. 2008. Project to Support the National Youth Strategy in Syria: Empowerment and Social Participation of Youth, UNFPA and Syrian Commission for Family Affairs, Damascus.